

Cetus Minat Murid Belajar Melalui ICT



Labuan 25 September – Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran cetus minat murid untuk belajar di dalam kelas.

Demikian pembentangan oleh Cikgu Hazniza Basri dari Sekolah Kebangsaan Bebuloh dalam perkongsian ilmu pengajaran dan pembelajaran (PdP) abad ke 21 di Majlis Perhimpunan Bulan September Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan pada khamis lalu, bertempat di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Labuan.

Beliau banyak mengambil peluang untuk menggunakan kemudahan ICT sekolah dan aplikasi ICT seperti Frog VLE, Quizizz termasuk perisian Google dalam PdP dengan dibantu oleh Guru Penyelaras Bestari sekolah, Cikgu Mohd Reno Idris.

Cikgu Hasniza telah dianugerahkan sebagai Guru Tauladan bagi amalan PdPc abad ke 21 bagi bulan September 2017.

Pada mulanya, Agak sukar untuk melaksanakan PdP

menggunakan ICT kerana perlu mengambil masa yang lama untuk persiapan segala peralatan ICT berfungsi untuk digunakan oleh murid. Tetapi lama-kelamaan, ianya telah menjadi rutin dan hanya mengambil masa 5 hingga 10 minit sahaja untuk memulakan PdP menggunakan ICT.



Cikgu Hasniza sedang membentangkan perkongsian ilmu PdP abad ke 21

Dalam ucapan penutup di majlis tersebut, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Encik Raisin Saidin memuji Cikgu Hazniza dan berharap semua guru dapat menerapkan elemen ICT dalam PdP kerana ianya merupakan anjakan yang ke 7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu Memanfaatkan ICT Bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia.

Kita sentiasa memberi ruang dan peluang kepada guru-guru Labuan berkongsi ilmu dan kemahiran terutamanya pembelajaran abad ke 21 bagi menjadi contoh dan amalan kepada guru-guru lain dalam menghasilkan kemenjadian murid sebagai salah satu aspirasi untuk memacu negara di masa akan datang.

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua sektor, Pengetua dan Guru Besar di atas kejayaan jabatan dan sekolah sepanjang bulan Ogos yang lepas.

Beliau juga memohon agar pihak sekolah dapat menjelaki kejayaan murid-murid dari semasa ke semasa bagi melihat hasil kemenjadian murid di masa akan datang.

Pada majlis tersebut juga diadakan bacaan ikrar Perkhidmatan Awam dan ikrar Integriti Perkhidmatan Awam, penyampaian anugerah dan sijil, '*staff of the month*' .

Tidak lupa penyampaian kad dan hadiah hari lahir serta pemotongan kek kepada warga pendidikan yang lahir pada bulan September, diakhiri dengan nyanyian 'Di sini lahirnya sebuah cinta' dan 'Aku Negaraku'.

Sumber Berita : Cikgu Nizam, SPA